

25 FEB 2003

S'pura-Media/I

BERJAYAKAH SETIAUSAHA AKHBAR GOH REDAKAN KETEGANGAN?

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 25 Feb (Bernama) -- "Berhenti daripada membelasah Dr Mahathir". Barangkali itulah mesej yang cuba disampaikan oleh Burhan Gafoor, Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Goh Chok Tong kepada media Singapura dalam suratnya yang tersiar dalam akhbar Sunday Times, bertajuk, "Balaslah Dengan Cara Bermaruah".

Burhan merujuk kepada rencana oleh penulis Straits Times, Paul Jacob bertajuk "We Sayang You Too, Dr Mahathir" (Kami Juga Sayangkan Anda, Dr Mahathir) yang disiarkan ketika Goh hendak berlepas ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Dalam rencananya yang mengandungi sindiran tajam kepada Dr Mahathir Sabtu lepas, penulis berkenaan bertanya Perdana Menteri Malaysia itu: "Nyatakan kepada saya, adakah perlu menjadi seorang penghibur untuk melayakkan diri bermain politik?" dan "Tidak ramai lagi orang seperti anda sekarang dan orang jenis ini semakin pupus."

Dalam suratnya, Burhan berkata: "Rencana ini bermaksud buruk. Ia menjadi contoh jenis rencana yang perlu dielak oleh media kedua-dua negara. Biar apa sekalipun yang orang kata kepada kita, lebih baik kita menjawabnya dengan cara yang sopan dan memperbetulkan keadaan dengan memberi fakta sebenar."

Sesungguhnya ia muncul pada masa yang tidak tepat. Ia keluar sejurus sebelum Goh berlepas ke Kuala Lumpur untuk bertemu Dr Mahathir.

Para pemerhati berkata media di kedua-dua negara telah bertindak keterlaluan berhubung isu air dan pertikaian mengenai Pulau Batu Puteh.

Malaysia marah apabila Singapura menghebahkan kepada umum kandungan surat yang diutus antara pemimpin kedua-dua negara, dengan media republik itu kelihatan tidak segan silu menyiarkan segala butirannya. Malaysia membantah penyiaran surat berkenaan dan menyifatkan tindakan Singapura itu sebagai sesuatu yang tidak wajar dilakukan.

Selepas itu, pertikaian mulut antara kedua-dua negara terus berlarutan. Malah majlis yang diadakan bagi menandatangani perjanjian khas untuk merujuk pertikaian mengenai Pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa telah dicemari perang mulut antara Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Singapura, S. Jayakumar.

Selepas itu, semasa berkunjung ke Johor Baharu, Dr Mahathir mendedahkan bahawa Goh membantah pembinaan sebuah jambatan baru bagi menghubungkan kedua-dua negara kerana pemimpin republik itu mempunyai rasa nostalgia terhadap Tambak Johor.

Kenyataan Dr Mahathir itu mendapat respons segera daripada jurucakap Kementerian Luar Singapura yang menggelar beliau sebagai penglipur lara yang hebat.

Mulai saat itu, skrip yang dihasilkan berjalan mengikut jalan yang memang sudah diduga. Bagaimanapun, menjelang hujung minggu, berlaku sesuatu yang tidak diduga apabila Joy Frances menulis dalam akhbar Today, sebuah tabloid milik MediaCorp Press, berbunyi:

"Ia merupakan komentar anti Mahathir yang keterlaluan. Ia segera mendapat reaksi setiausaha akhbar Goh," kata Frances dalam berita muka depan yang bertajuk: "Media Catch-22."

Dalam kenyataannya kepada akhbar Today, Naib Dekan Sekolah Komunikasi dan Maklumat, Universiti Teknologi Nanyang, Dr Ang Peng Hua berkata: "Ahli politik Malaysia seperti Dr Mahathir melihat ST (Straits Times) sebagai suara kerajaan Singapura."

"Rakyat Malaysia melihat akhbar kita mewakili suara rasmi dan barangkali, inilah sebabnya kenapa (kerajaan) di sini ingin memisahkan dirinya daripada rencana berkenaan."

Perunding media, Margaret Thomas yang merupakan bekas timbalan editor Business Times pula berkata: "Inilah harga yang dibayar oleh kerajaan kerana memberi sokongan yang begitu kuat kepada akhbar berkenaan. ST akan terus dilihat sebagai mencerminkan pendapat parti dalam beberapa keadaan dan Singapura sendiri akan dihakimi melaluinya."

Dalam kes ini, masanya amat tidak kena sama sekali.

Frances menulis: "Dengan siarannya sejurus selepas berlaku perang mulut mengenai Pedra Branca (Pulau Batu Puteh) dan isu air, dan sejurus sebelum Goh berlepas ke Kuala Lumpur untuk bertemu Dr Mahathir, rencana berkenaan boleh menimbulkan keadaan tidak enak semasa pertemuan mereka sekiranya rakyat Malaysia menganggap rencana itu menjadi ukuran tentang apa yang ingin disampaikan oleh kerajaan Singapura."

Dr Ang pula menulis: "Kini, kesan seramnya mungkin dirasai oleh media massa. Saya rasa anda akan melihat berkurangnya komentar seperti ini dan saya fikir itulah tujuannya. Kerajaan ingin menyejukkan keadaan dan mengurangkan perang mulut."

Paul Jacob yang menjadi punca semua itu memberitahu Today: "Saya masih boleh tidur lena."

Bagaimanapun, persoalannya ialah apakah komentar seperti itu akan berkurangan selepas sidang kemuncak NAM?

--BERNAMA

SS SP MAI